

KENYATAAN TAWARAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

[FTA(CPTPP)] PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN SOKONGAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT SERTA KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL DI PUSAT DATA KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM), BANDAR ENSTEK DAN PUSAT PEMULIHAN BENCANA KPM DI PUSAT DATA SEKTOR AWAM, JABATAN DIGITAL NEGARA

NO. TENDER: QT250000000025008

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Petender dalam kalangan negara FTA dan Petender tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang berikut yang masih sah dan berkuat kuasa pada tarikh tutup tawaran ini dan mempunyai token ePerolehan yang belum luput tarikh:

210101 – *Hardware (Low End Technology) – Supply All Types of Computer Hardware Including PC, Notebook, Printer, Document Scanner, Peripherals And Maintenance;*

210102 – *Hardware (High End Technology) – All Types of Server, Mainframe, High End Printers, Storage Area Network Software (SAN, NAS) Including Maintenance;*

210103 – *Software – Supply all computer software, system, database, Off-the-Shelf packages including maintenance;*

210105 – *Telecommunication/ Networking-supply Product, Infrastructure, Services Including Maintenance (LAN/ WAN/ Internet/ Wireless/ Satellite); dan*

210106 – *Data Management – Provide Services Including Disaster.*

2. Butiran tender yang ditawarkan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1.	TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER	[FTA(CPTPP)] PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN SOKONGAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT SERTA KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL DI PUSAT DATA KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM), BANDAR ENSTEK DAN PUSAT PEMULIHAN BENCANA KPM DI PUSAT DATA SEKTOR AWAM, JABATAN DIGITAL NEGARA NO. TENDER: QT250000000025008
2.	TARIKH IKLAN TENDER	12 Mac 2026 (Khamis)
3.	TARIKH TUTUP TENDER	21 April 2026 (Selasa)

3. Tender dilaksanakan melalui Sistem ePerolehan secara dalam talian sepenuhnya. Petender-petender yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH berstatus eP-enabled (mempunyai ID log masuk dan sijil digital yang telah diaktifkan)**.
4. Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam Sistem ePerolehan sebelum atau selewat-lewatnya jam 12:00 tengah hari pada tarikh tutup tender.
5. Petender adalah digalakkan menyertai satu sesi taklimat berkenaan tender ini yang akan dilaksanakan pada satu tarikh dan masa yang akan ditentukan kelak. Untuk maklumat lanjut, Petender boleh menghubungi urus setia seperti butiran dalam Sistem ePerolehan.
6. Cara-cara mengunci masuk ke dalam Sistem ePerolehan
 - a. Petender hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam Dokumen Tender serta menyemak kandungan Dokumen Tender dengan **TELITI** sebelum mengunci masuk di dalam Sistem ePerolehan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan mengakibatkan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.
 - b. Semua lampiran/borang dalam sistem e-Perolehan hendaklah diisi dengan **LENGKAP DAN JELAS** serta **MEMATUHI ARAHAN** yang dinyatakan.
 - c. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan tender tersebut tidak akan dipertimbangkan/ditolak.
7. **Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:**
 - a. Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap dalam Sistem ePerolehan;
 - b. Petender **menulis, mencatatkan atau memaparkan sebarang identiti syarikat** termasuk cop nama dan tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran **Tawaran Teknikal** yang dikemukakan secara dalam talian.
 - c. Petender **GAGAL** memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam Sistem ePerolehan.
8. **Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal** hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan sebelum atau pada tarikh tutup tender. **Tawaran yang lewat dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan tidak akan dipertimbangkan.**
9. Petender dikehendaki mengemukakan **SEMUA** dokumen sokongan yang diminta oleh pihak Kementerian dalam dokumen tender. Bagi Petender yang gagal mengemukakan kesemua dokumen yang diminta, Kementerian ini mempunyai hak untuk tidak menilai tawaran Petender.
10. **Petender boleh merujuk kepada dokumen tender di dalam sistem ePerolehan** untuk maklumat terperinci.

11. Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
12. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi Kementerian Pendidikan, e-Perolehan dan MyPROCUREMENT. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.